



No Permit:PP13200/12/2013(032007)  
April 2018:ISSN 1675-5464

*Your OSH preferred partners*

# HARI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN SEDUNIA 2018

**28 APRIL 2018**



**GENERATION  
SAFE & HEALTHY**

# HARI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN SEDUNIA 2018



**28 APRIL 2018**  
**GENERATION**  
**SAFE & HEALTHY**

## Kenyataan akhbar



oleh:

**Tan Sri Lee Lam Thye**  
sempena sambutan

**HARI KESELAMATAN DAN KESIHATAN  
PEKERJAAN SEDUNIA 2018**

**H**ari ini (28 April) adalah Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja yang juga dikenali sebagai Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sedunia (Hari KKP Sedunia) 2018 di Malaysia.

Pada tarikh ini setiap tahun pihak kerajaan, majikan dan organisasi pekerja digalakkan untuk menjalankan aktiviti untuk meningkatkan kesedaran bagi mengurangkan kemalangan dan penyakit di tempat kerja.

Semuanya bermula pada tahun 1996 apabila kesatuan sekerja di seluruh dunia memilih 28 April sebagai tarikh memperingati pekerja yang terbunuh dan cedera. Atas permintaan kesatuan-kesatuan sekerja, Pertubuhan Buruh Antrabangsa (ILO) mula terlibat dalam kempen pada tahun 2003 dan sejak itu, ia telah memanfaatkan kekuatannya untuk membantu mempromosikan hari istimewa ini.

Hari KKP Sedunia juga merupakan acara tahunan untuk meningkatkan kesedaran tentang bagaimana melaksanakan pekerjaan dengan selamat dan sihat serta meningkatkan tahap KKP di negara masing-masing.

Pada tahun ini, ILO juga telah memutuskan untuk mengadakan kempen bersama untuk Hari Sedunia untuk Menentang Buruh Kanak-kanak bagi meningkatkan keselamatan dan kesihatan para pekerja muda dan menamatkan eksploitasi buruh kanak-kanak.

Tema "Generasi Selamat dan Sihat" yang dipilih tahun ini adalah sejajar dengan matlamat ILO untuk menjamin persekitaran kerja yang selamat untuk semua pekerja menjelang tahun 2030 dan menamatkan semua bentuk buruh kanak-kanak pada tahun 2025.

Menurut ILO, kira-kira 541 juta pekerja muda berumur antara 15 dan 24 tahun menyumbang lebih daripada 15 peratus tenaga buruh dunia. Malangnya mereka mencatatkan sehingga 40 peratus lebih tinggi kecederaan pekerjaan yang tidak menyebabkan kematian berbanding pekerja dewasa. Pekerja muda ini termasuk 37 juta kanak-kanak yang bekerja dalam keadaan berbahaya.

Kita juga perlu berkongsi maklumat mengenai risiko yang dihadapi pekerja muda di Malaysia dan mencari jalan menangani cabaran ini dengan meningkatkan aspek keselamatan dan kesihatan untuk mereka.

Di bawah Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) (Pindaan) 2010, definisi “kanak-kanak” adalah individu yang berumur di bawah 16 tahun manakala “orang muda” adalah mereka yang berumur antara 16 dan 18 tahun.

Di bawah Akta yang dipinda itu, kanak-kanak dan orang muda tidak boleh terlibat dalam apa-apa kerja yang berbahaya dan tidak boleh dibenarkan terlibat dalam pekerjaan yang bertentangan dengan Akta Kilang dan Jentera 1967, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) 1994 atau Akta Bekalan Elektrik 1990. Mereka juga tidak dibenarkan melakukan sebarang pekerjaan yang memerlukan mereka bekerja di bawah tanah.

Oleh kerana kedudukan mereka yang masih baru di tempat kerja, kebanyakan pekerja muda kekurangan pengetahuan, pengalaman dan kematangan. Justeru, ramai di antara mereka mungkin tidak menyedari risiko yang dihadapi di tempat kerja.

Faktor lain yang boleh menyebabkan pekerja muda berhadapan risiko lebih tinggi termasuk kemahiran dan latihan yang tidak mencukupi, kekurangan kesedaran mengenai hak mereka dan tanggungjawab majikan, tidak mempunyai keyakinan untuk bersuara dan majikan pula tidak mengiktiraf perlindungan tambahan yang diperlukan oleh pekerja muda.

Oleh itu, menjadi tanggungjawab majikan untuk melindungi keselamatan dan kesihatan pekerja dan mereka harus memberi perhatian khusus kepada pekerja muda. Majikan mestilah menjalankan penilaian risiko sebelum orang muda mula bekerja selain mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk melindungi mereka.

Di bawah OSHA 1994, kedua-dua majikan dan pekerja mereka bertanggungjawab memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan mereka yang gagal berbuat demikian boleh dikenakan denda atau didakwa di mahkamah.

Majikan dan kontraktor yang gagal menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk pekerja mereka boleh didakwa di bawah Seksyen 15 OSHA 1994, yang membawa hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya.

Pekerja muda juga harus diberikan pekerjaan yang sesuai serta mendapat latihan dan pengawasan yang mencukupi.

Majikan pula harus mempromosikan budaya keselamatan yang baik dan melibatkan pekerja muda dalam hal-hal yang berkaitan dengan aspek keselamatan.

Salah satu masalah utama yang dihadapi sektor perindustrian di Malaysia, terutamanya industri perkilangan dan perkhidmatan, adalah mereka amat bergantung kepada pekerja asing. Akibatnya latihan dan perkembangan pekerja muda sering diabaikan.

Kita perlu menjadikan sektor perindustrian Malaysia lebih menarik dan selamat bagi golongan muda. Bagaimanapun, mereka perlu menjalani latihan profesional seperti yang ditawarkan oleh Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dan program latihan industri yang boleh membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka.

Pada akhirnya, semua ini akan membantu mengurangkan kemalangan dan penyakit berkaitan pekerjaan yang boleh menjadi bebanan ekonomi bagi pekerja dan keluarga mereka serta perusahaan dan masyarakat secara keseluruhannya.

Terdapat bukti jelas bahawa tenaga kerja yang sihat dapat meningkatkan produktiviti perniagaan dan ekonomi negara dengan mengurangkan bilangan kemalangan dan penyakit dan menurunkan jumlah tuntutan insurans dan pampasan.

Saya berpendapat orang ramai perlu didedahkan kepada budaya keselamatan dan kesihatan yang baik pada usia muda dan ini adalah salah satu sebab utama mengapa NIOSH telah membawa budaya KKP ke sekolah kerana percaya ia dapat membantu para pelajar memahami konsep tersebut dan mengamalkannya .

Di bawah program “KKP di Sekolah” contohnya, NIOSH berhasrat untuk mendidik dan mewujudkan kesedaran KKP di kalangan pelajar, yang boleh bertindak sebagai mata dan telinga pengurusan sekolah yang mengamalkan konsep pengenalan bahaya, penilaian risiko dan kawalan risiko (HIRARC).

Dengan pengetahuan dan kesedaran mengenai KKP yang mencukupi, pelajar akan meninggalkan sekolah dengan maklumat mengenai keselamatan praktikal yang boleh diambil.

Malaysia adalah antara beberapa negara di dunia yang telah memperkenalkan KKP di sekolah dan saya yakin bahawa usaha yang diambil pada usia muda boleh membantu mewujudkan generasi yang selamat dan sihat.

Pada akhirnya, jika KKP diintegrasikan di dalam komuniti ia akan menjadi nilai teras dan menyumbang ke arah pencapaian budaya KKP di semua tempat kerja sektor awam dan swasta.

#### **TAN SRI LEE LAM THYE**

Pengerusi

Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)

## KEJOHANAN BOLING NIOSH 2018

Pada 1 April 2018, telah berlangsung Kejohanan Boling NIOSH 2018. Acara tahunan ini adalah anjuran Kelab Kebajikan dan Sukan Institut (KKSI) dan PUSPANITA NIOSH yang disertai oleh kakitangan NIOSH dan NIOSH NCSB. Bertempat di Ampang Superbowl@ Bangi Gateway Bandar Baru Bangi, Selangor sebanyak 24 kumpulan telah



menyertai Kejohanan Boling NIOSH 2018. Penglibatan wakil daripada pejabat-pejabat wilayah NIOSH turut memeriahkan acara boling pada tahun ini. Pertandingan Boling NIOSH 2018 melibatkan piala pusingan serta hadiah-hadiah turut menanti para pemenang.

Kategori yang dipertandingkan adalah Berkumpulan dan Perseorangan di mana setiap pasukan terdiri daripada 4 orang pemain. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pengarah Eksekutif NIOSH, Encik Ayop Salleh. Sebelum pertandingan bermula, para peserta diberi latihan senaman regangan bagi meningkatkan stamina. Pertandingan bermula pada jam 4.00 petang dengan begitu meriah sekali. Selepas berentap untuk tiga pusingan, pasukan di Lane 16 telah menjuarai kejohanan dengan mengumpul jatuhan pin sebanyak 1772 yang disertai oleh En. Md Saiful Bahari, En. Nurazim Md Yusof, Pn. Fatin Zakiah Dul Wahab dan Pn. Nur

Farhanah Mohd Ariffuddin. Naib Johan pula berjaya direbut oleh pasukan di Lane 7 yang disertai oleh En. Baktiar Basari, En. Md Asrul Hisham, Pn. Maria Said dan En. M Hamzah Jamaludin dengan jatuhan pin 1,555. Manakala, tempat ketiga dengan mata jatuhan pin 1441 adalah pasukan di Lane 9 yang disertai oleh En. Md Sharifuddin, En. Rochi AK Bakel, En. Mohd Amir Ghazali, dan Pn. Dayang Suriawati. Selain itu, pemenang bagi kategori lelaki individu dimenangi oleh En. Md Saiful Bahri (suami kepada Pn. Fa'ezah bt Aziz –Bahagian CRD) dengan jatuhan pin sebanyak 488 dan kategori perempuan digondol oleh Pn. Fatin Zakiah Dul Wahab dari Bahagian SIAD dengan jatuhan pin sebanyak 465.

Syabas diucapkan kepada pemenang-pemenang Kejohanan Boling NIOSH 2018. Diharap dengan adanya acara seumpama seperti ini dapat menghilangkan tekanan dan ianya juga dapat mengeratkan silaturahim antara kakitangan NIOSH.

## SEMINAR PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP) DI SEKOLAH 2018 PERINGKAT NEGERI PAHANG

Pada 10 April 2018, NIOSH dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menganjurkan Seminar Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di sekolah 2018 peringkat Negeri Pahang yang telah diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Rangin, Kuantan Pahang. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg Tan Sri Lee Lam Thye, Pengerusi NIOSH. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Tuan Haji Mohd Raauf bin Haji Jali, Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang.

Objektif utama program ini diadakan adalah bagi memberi kefahaman dan kesedaran dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan seperti Perundangan, Sistem Pengurusan KKP, Jawatankuasa KKP, Polisi KKP dan perkara berkaitan KKP kepada Pengusaha, Guru / Para Pentadbir mahupun kakitangan Sekolah. Selain itu, bagi mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat dan sihat kepada guru, para pentadbir, kakitangan dan pelajar sekolah sepanjang berada sekolah. Terdapat beberapa insiden seperti bumbung runtuh dan bangunan sekolah rosak menyebabkan kecederaan kepada pelajar telah dilaporkan. Justeru itu, dengan mengamalkan Budaya Selamat dan Sihat di Sekolah, ia akan dapat membantu untuk memastikan premis sekolah berada di dalam keadaan yang selamat bagi semua guru, kakitangan dan pelajar.



## PROGRAM KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI SEKOLAH



Pada 3 April 2018, NIOSH telah menganjurkan satu Program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sekolah 2018 peringkat Negeri Johor bertempat di Sekolah Kebangsaan Serkat, Pontian Johor. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr Mohd Ghazali Abas, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia.

Pada hari yang sama, YBhg Dato' Dr Mohd Ghazali Abas, KSU KSM juga berkesempatan untuk meninjau dan turut serta di dalam aktiviti gotong royong bersama penduduk Tanjung Piai yang membersihkan kawasan masjid di Masjid Jamek Hj Noh Gadut, Serkat.

Melalui aktiviti seumpama ini, ia akan dapat mengeratkan lagi tali silaturahim dan berpeluang untuk beramah mesra bersama penduduk Tanjung Piai.

INTENSE CAMPAIGNING

# STAY SAFE IN MOTHER OF ALL ELECTIONS

OFFICIAL campaigning for the 14th General Election (GE14) will begin after nomination day on April 28.

Dubbed the mother of all elections, this election's intense campaigning may pose danger to the public and election workers.

It was reported that the Home Ministry has begun deploying police personnel to hotspots in which brawls and commotions are expected to break out.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, who is home minister, said police were focusing on areas deemed as hotspots and flashpoints, besides the 1,131 people identified as having the tendency to provoke trouble.

While police are maintaining security, those employers will ensure the safety of staff working during the election.

Among those exposed to threats are Election Commission staff and government agencies involved in the election.

Media personnel are also vul-



Employers should ensure the safety of staff working during the general election. FILE PIC

nerable while covering the polls.

Journalists and photographers should follow the Guidelines for Media Professionals 2012, which can be downloaded from the Department of Occupational Safety and Health website.

Election and media workers will travel and spend long hours on the road as they will be busy during nomination and polling days.

Therefore, their employers must look into their safety and

health to ensure they perform their duties without disruption. If needed, employers should provide them with personal protective equipment, such as face masks, safety hats and goggles, and ensure they are used as and when needed.

In the event of incidents, such as stone throwing, election workers and media practitioners should know how to protect themselves.

I hope these incidents do not take place, but things can get out of hand in elections.

Under the Occupational Safety and Health Act (OSHA) 1994, it is the responsibility of employers and their workers to ensure the safety and health in workplaces, and those who fail to do so could be fined or charged.

Employers are required to provide a safe and healthy working environment for their employees under Section 15 of OSHA 1994, which carries a maximum sentence of a RM50,000 fine, or two years' jail, or both for those who fail to comply.

In Malaysia, the accident rate in

workplace per 1,000 workers increased to 2.88 in 2016 compared with 2.81 in 2015.

In 2006, the rate was 4.77 accidents per 1,000 workers.

We should benchmark ourselves against developed countries, which have between one and two accidents per 1,000 workers.

Under the OSH Master Plan 2016-2020, the Human Resources Ministry aims to reduce industrial accidents to 2.53 per 1,000 workers and industrial fatality rate to 4.36 per 100,000 workers by 2020.

It is important that we do not allow incidents during GE14 to affect our efforts to reduce the number of accidents and deaths in workplaces.

We have to be mature and not give in to our emotions.

It is always best to have precautions, and everyone involved must know the risks and do's and don'ts while on duty.

**TAN SRI LEE LAM THYE**  
Chairman, National Institute of Occupational Safety and Health

## 3 pekerja binaan maut

**Iskandar Puteh:** Tiga pekerja binaan warga Bangladesh maut selepas teriatih ketika menjalankan kerja pemisahan pcrancah bangunan bagi laluan lif sebuah kondominium di tingkat yang dalam pembinaan di Tanjung Kupang, malam Khamis.

Timbalan Ketua Polis Daerah Iskandar Puteri I, Supriemondan Ismail Dollah berkata, kejadian jam 8:40 malam itu mengakibatkan tiga pekerja dikenali sebagai Toriqul, 38, Azmin, 27, dan Shafiquddin, 44, meninggal dunia di tempat kejadian akibat tersangkut di tingkat dua serta empat bangunan terbalak.

Katanya, polis menerima panggilan telefon berhubung kejadian membahayakan beberapa pekerja binaan teriatih dari bangunan yang dalam pembinaan di kawasan Tanjung Kupang memceris tahun 1999.

Katanya, punca dari tingkatan mana semua mangsa teriatih masih belum diketahui memandangkan kerja teriatih dilakukan di kawasan lubang lif.

### STAY SAFE IN MOTHER OF ALL ELECTIONS

Publication: News Straits Times  
Date of Publication: 20 April 2018  
Page number: 18

### 3 PEKERJA BINAAN MAUT

Publication: Harian Metro  
Date of Publication: 10 April 2018  
Page number: 14

## Tindakan tegas jika operator gagal patuhi peraturan

**Kuala Lumpur:** Pihak berkuasa perlu bertindak lebih tegas terhadap peniaga dan kontraktor bagi memastikan kerja yang ditempatkan yang diiktiraf sebagai pekerja kompeten diambil bekerja sebagai pengendali kren di tapak pembinaan.

Tindakan tegas juga perlu diambil terhadap operator kren yang gagal mematuhi peraturan ditetapkan dalam mengendalik kren dengan selamat hingga terlewat kepada risiko keselamatan yang boleh mengancam kemaslahatan.

Pengurus Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye, berkata semua operator kren perlu mendapat perlakuan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

"Syarikat yang menyediakan perkhidmatan kren itu juga wajib mendaftar dengan JKKP. Sejak 1999, NIOSH diberi tanggungjawab untuk mengeluarkan sijil kepada pengendali kren selepas dinilai pegawai JKKP."

**Lee Lam Thye,**  
Pengerusi NIOSH

**6,648 sijil sudah dikeluarkan**  
"Sehingga Februari lalu saja, sejumlah 6,648 sijil dikeluarkan kepada pengendali kren yang diiktiraf sebagai pekerja kompeten," katanya, semalam.

Lam Thye berkata, kajian juga perlu dilakukan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), persatuan peniaga dan kontraktor dalam mengenal pasti punca pengendali kren ditempatkan tidak diambil bekerja di tapak binaan.

Katanya, selain berorganisasi terhadap pekerja asing, kendali lapan pengendali kren tempatan tidak berminat bekerja bertukar suasana kerja tidak kunjung bermula dipaksa bekerja melebihi masa dibenarkan.

Dalam pada itu, beliau turut mengesa kontraktor sentiasa memeriksa keadaan kren serta melakukan penyelenggaraan berkala bagi memastikan ia selamat digunakan seperti ketetapan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA).

**PROSEDUR MEMPEROLEH SIJIL KOMPETENSI KREN**

### TINDAKAN TEGAS JIKA OPERATOR GAGAL PATUHI PERATURAN

Publication: Berita Harian  
Date of Publication: 03 April 2018  
Page number: -

### GADGET ADDICTION CAN LEAD TO PORNOGRAPHY

Publication: News Straits Times  
Date of Publication: 09 April 2018  
Page number: 18

## Gadget addiction can lead to pornography

**CYBERBULLYING**

**ALL** parties, especially parents, should limit the use of electronic devices by children. A global research has concluded that children should not be exposed to tablets, smartphones and televisions for more than two hours a week.

This means that they should be allowed to play with such devices for only 47 minutes daily.

The Education Ministry told the Dewan Rakyat recently that prolonged use of electronic gadgets contributed to visual impairment in students.

**Deputy Education Minister**

Outak Chong Sin Woon said last year, 83 per cent of Year One pupils had visual impairments, 41 per cent of Year Six pupils and 27 per cent of Form 3 students.

I am worried that parents allow children as early as 3 to play with a tablet or smartphone for hours.

Some of them do so because they have no time to entertain their children.

What is more alarming is that the children play with electronic devices without supervision. This could lead to addiction.

**Universiti Teknologi Mara**

Health Sciences Faculty lecturer Wan Elhami Wan Omar said children between 2 and 5 years were exposed to electronic devices when they should be spending more time on outdoor activities and enjoying nature.

If gadget addiction is not addressed, it will not only damage children's eyesight, but also cause neck and spinal problems.

Gadget addiction can lead to pornography and cyberbullying.

**TAN SRI LEE LAM THYE**  
Chairman, National Institute of Occupational Safety and Health

## Lelaki pasang kabel maut terperosok dalam lubang

**Georgetown:** "Saya sedang dormenkan luar dan lihat kon serta papan tanda terpelanting di jalan.

"Saya kemudian diberitahu sebuah kereta merempuh rakas sekerja hingga dia terjatuh dalam lubang," kata Mohd Azhar Hassan, 20-an, menceritakan kemaslahatan maut membabitkan kontraktor penyelenggaraan telekomunikasi Malaysia (TM) yang melakukan kerja pemasangan kabel bawah tanah di Jalan Burma, di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 1:30 pagi minggu, Omar Osman, 40, dari Kampung Sungai Mati, Langkat, Kedah, meinggal dunia akibat parah di kepala.

Mohd Azhar berkata, ketika itu dia melakukan kerja 50 meter dari lokasi kemaslahatan dan tergegas melompat apa yang berlaku terhadap rakas tersebut.

"Saya lihat rakas terperosok dalam lubang mana

kala pemandu kereta pula memocur kenderaannya.

"Kami cuba mengesan pemandu kereta teriatih dan memenuhinya di sebuah hospital swasta namun dia memuntahkan diri selepas itu," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Amur Omar berkata, ketika kejadian mangsa bersama dua lagi pekerja berada di kawasan itu sebelum sebuah kereta yang dipandu laka secara tiba-tiba terlanggarnya.

Meyoritanya, mangsa mendapati pemandu dipercayai memandu di bawah pengaruh alkohol itu melanggar kon dan papan tanda besi pembinaaan penyelenggaraan TM.

"Pemandu kereta yang tidak cedera itu ditahan polis dan akan direstui bagi membantu siasatan mengenai Seksyen 31(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987," katanya.

**SAW 2**

## LELAKI PASANG KABEL MAUT TERPEROSOK DALAM LUBANG

Publication: Harian Metro  
Date of Publication: 05 April 2018  
Page number: 02

## Utamakan soal keselamatan - NIOSH

**KUANTAN 10 April** - Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) memantapkan semula kaitan dengan agensi dan jabatan kerajaan yang terlibat dengan Pihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) supaya memantapkan soal keselamatan dan kesihatan pekerja (KKP) ketika berniaga.

Pengerusi NIOSH, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, tanggungjawab memastikan perkara ini adalah tertakluk kepada majlis semasa organisasi supaya dapat mengedukakan daripada berlaku sebarang kemalangan atau perkara tidak diingini.

"Majikan perlu mengambil tahu tentang KKP dalam kalangan kakitangan mereka sepanjang menjalankan tugas

di kawasan PRU-14 dan perkara ini tertakluk di bawah Seksyen 15 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA 1994).

"Selain daripada kakitangan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan agensi kerajaan, perkara ini juga terpacu kepada petinggi media yang berada di lokasi liputan PRU-14 bagi mendapatkan bahan berita," katanya selepas memantapkan Seminar Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Tinggi di sini hari ini.

Yang hadir sama Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemahiran, Jabatan Pendidikan negeri, Mohd. Raufi dan

Serantau Eksekutif NIOSH, Mejar (D) Hamif Moidin.

Lam Thye berkata, majlis juga perlu memfokuskan soal penyediaan Peselatan Perlindungan Peribadi (PPE) kepada kakitangan mereka bagi menjaga keselamatan ketika melaksanakan tugas.

Kata beliau, petegas media turut terdedah kepada risiko bahaya ketika bertugas dan mereka perlu mengetahui cara untuk melindungi diri sekiranya terpacu insiden tidak diingini di lokasi liputan PRU-14.

"Semantara itu, beliau berkata, semua sekolah terutama sekolah tadris dan pondok yang sudah ditubuhkan dalam tempoh 20 tahun perlu menjalankan audit keselamatan.



LEE LAM THYE menyerahkan replika Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sekolah dalam Seminar Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Tinggi, Kuantan, Pahang semalam.

## More guides for workers

SIMILAR to other countries, working at height remains one of the biggest causes of fatalities and major injuries in the construction industry in Malaysia.

Among the most common cases are falls from ladders and through fragile surfaces or unstable structures such as badly erected scaffolds and soft concrete slabs.

It is important for employers and those working at height to discharge their statutory duties as far as in practicable as stipulated under the Occupational Safety and Health Act (OSHA) 1994.

This would ensure that falling from heights accidents, such as the recent one in MPJ where an air conditioning fitter suffered injuries after falling from the first floor of a government building in Chia Tai Chin Road, do not recur.

Over the years, there have been several deaths caused by fall from heights.

Statistics from the Social Security Organisation (SOCSO) indicate that 7,338 accidents were reported in the construction industry in 2018, compared with 4,398 cases in 2011, an increase of 66.4%.

Based on the Department of Occupational Safety and Health (DOSH) records, 106 deaths were reported in the construction industry in 2018 compared with 88 in 2015.

In the first 10 months of last year, 63 deaths were reported.

These statistics, especially those involving fatalities, are worrying as they only covered cases investigated by DOSH.

If we take into account unreported cases, the figure would be higher.

Although the Government enacts laws and enforces them, the responsibility for implementing a safety system in construction sites lies with main and sub-contractors.

Under OSHA 1994, it is the responsibility of both employers and their workers to ensure safety and health at the workplace. Employers and contractors who fail to provide a safe and healthy working environment for their employ-

ees can be charged under Section 15 of OSHA 1994, which carries a maximum sentence of a RM30,000 fine, or two years' jail, or both.

It is also the responsibility of employers to provide training and personal protective equipment (PPE) and of the employees to wear it.

They must also adhere to the Factories and Machinery Safety, Health and Welfare Regulations 1970 and follow the Guidelines for the Prevention of Falls at Workplaces that was issued by the Department of Occupational Safety and Health in 2007.

Under Regulation 12 (Working at a height) of the Factories and Machinery Safety, Health and Welfare Regulations 1970, practicable means that would ensure the safety of a person working more than 10 feet high must be provided, including the use of a safety belt or rope.

Any person who commits an offence against the regulation could be fined a sum not exceeding RM1,000.

Under the DOSH Guidelines for the Prevention of Falls at Workplaces, PPE should also be worn when there is a possibility that the fall use to wear such equipment could result in serious harm.

Such equipment should comply with the relevant Malaysian Standard or an acceptable international Standard, and specialist PPE will be needed in certain circumstances.

According to DOSH, most of the fall from height incidents could be prevented by taking the most basic and necessary safety measures.

Therefore, DOSH introduced the guidelines to provide relevant and important advice on the steps to be taken, the type of PPE to be provided to such workers and how risk assessment can be carried out to ensure working at height is safe.

Although the guidelines have no force of law, they provide clear written guidance on the recommended safety measures to enable employers or self-employed persons to discharge their statutory duties as stipulated under OSHA 1994 as far as in practicable.

NIOSH has also played its role in reducing work at height accidents through training programmes, including Working at Height (WAH) competency certificate and consultancy services.

It has also developed the Fall Protecting Laboratory (FPL) which could help ensure that fall protection equipment used by workers in Malaysia is in accordance with the relevant local and international standards.

To ensure capability and competency of SOCSO personnel who operate the FPL, they have attended a training programme that was held in collaboration with the Korea Occupational Safety & Health Agency (KOSH) at its testing facilities in Ulsan, Republic of Korea last year.

Besides offering training programmes, NIOSH plays its role in improving safety and health in the construction industry through its Centre of Excellence in Construction Safety, which focuses on research and development, and consultation by cooperating with universities and government agencies.

The activities include establishing cooperation with the Construction Industry Development Board in piloting behaviour-based safety programmes in construction sites and establishing a fall protection equipment laboratory to ensure fall prevention equipment for workers, since statistics show that falling incidents in construction sites are among the highest in Malaysia.

A simulation interactive lab for personal protective equipment (PPE) was also established to help train construction workers on the importance of using proper and correct PPE.

It has also developed crane and scaffold safety inspection training modules to share knowledge and advice with those in the industry.

TAN SRI LEE LAM THYE  
Chairman  
National Institute of Occupational Safety and Health

### UTAMAKAN SOAL KESELAMATAN-NIOSH

Publication: Utusan Malaysia  
Date of Publication: 11 April 2018  
Page number: 8

### MORE GUIDES FOR WORKERS

Publication: The Star  
Date of Publication: 04 April 2018  
Page number: 29V

## Maut dihempap penghentak cerucuk

**Mukah:** Seorang pekerja pembinaan maut selepas dihempap penghentak cerucuk di Kampung Teh di sini, semalam.

Keselamatan jam 3:50 petang itu berlaku ketika lelaki warga Indonesia melaku-

kan kerja memadam cerucuk untuk pembinaan bangunan kelas tambahan di Sekolah Kebangsaan Kampung Teh di kampung itu.

Ketua Polis Daerah Mukah Depan Superintendan Jimmy Parry berkata, mangsa yang maut dikenali sebagai Hermanto, 24, dari

Mangsa yang tidak sempat mengelak

dihempap besi itu menyebabkannya berkecai.

"Siasatan mendapati besi penghentak cerucuk itu tercabut dari tandasannya dan terlepas ketika mangsa

berurusan berada di bawahnya," katanya.

Jimmy Parry

Lombok, Indonesia.

Katanya, ketika kesahab mangsa cuba mengadahkan penutup tang cerucuk itu namun tidak menyedari besi penghentak cerucuk terlepas dari kedudukannya.

"Mangsa yang tidak sempat mengelak

dihempap besi itu menyebabkannya berkecai.

"Siasatan mendapati besi penghentak cerucuk itu tercabut dari tandasannya dan terlepas ketika mangsa berurusan berada di bawahnya," katanya.

Jimmy Parry

Lombok, Indonesia.

Katanya, ketika kesahab mangsa cuba mengadahkan penutup tang cerucuk itu namun tidak menyedari besi penghentak cerucuk terlepas dari kedudukannya.

"Mangsa yang tidak sempat mengelak

dihempap besi itu menyebabkannya berkecai.

"Siasatan mendapati besi penghentak cerucuk itu tercabut dari tandasannya dan terlepas ketika mangsa berurusan berada di bawahnya," katanya.

Jimmy Parry

Lombok, Indonesia.

Katanya, ketika kesahab mangsa cuba mengadahkan penutup tang cerucuk itu namun tidak menyedari besi penghentak cerucuk terlepas dari kedudukannya.

"Mangsa yang tidak sempat mengelak



PENGHENTAK cerucuk yang menghempap mangsa di Kampung Teh.

## 21 pengarah tapak binaan akan didakwa

**Kuala Lumpur:** Seramai 21 pengarah tapak binaan akan didakwa di mahkamah kerana didapati membiarkan berlaku pembaikan serang- seramai pembawa periyak di premis tapak binaan masing-masing.

Kesalahan itu dikesan menerusi penguatkuasaan Ops Tapak Binaan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dijalankan ke atas 978 premis tapak binaan di seluruh negara pada 13 dan 14 Mac lalu.

Pengarah Kesihatan Daruk Dr Noor Hisham, Abdullah berkata, susulan pemeriksaan dijalankan menerusi operasi itu sebanyak 130 tapak binaan dikesan melakikan kesalahan tersebut.

"Susulan itu, seramai 21 pengarah syarikat tapak binaan akan didakwa di mahkamah manakala sebanyak 127 notis kompani akan dikeluarkan dalam masa terdekat apabila proses permohonan trin kompani diperoleh daripada Timbalan Pendakwa Raya.

"Notis kerja pembersihan di bawah Seksyen 8(2) Akta



ANGGOTA KKM membuat pemeriksaan ke tapak pembinaan.

Pemeliharaan Serangga Pembawa Periyak (APSP) 1975 terus diperkenalkan kepada 65 premis yang berpotensi untuk pembaikan nyamuk berlainan," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Beliau berkata, sebanyak 18 premis tapak binaan diberi arahan penutupan me-

ngikut Seksyen 8(3) Akta sama bagi memastikan mereka menjalankan aktiviti pencegahan dan pemberantasan khususnya tempat pembaikan nyamuk aedes.

"Tujuan operasi dijalankan adalah untuk mengurangkan kes demam denggi yang disebabkan nyamuk

aedes dalam kalangan masyarakat.

"KKM sentiasa optimis melaksanakan operasi penguatkuasaan APSP 1975 secara berterusan bagi membolehkan peningkatan kes demam denggi selain mengurangkan risiko jangkitannya," katanya.

### MAUT DIHEMPAP PENGHENTAK CERUCUK

Publication: Harian Metro  
Date of Publication: 04 April 2018  
Page number: 8

### 21 PENGARAH TAPAK BINAAN AKAN DIDAKWA

Publication: Harian Metro  
Date of Publication: 04 April 2018  
Page number: 69

# Disclaimer

©Copyright 2018. National Institute of Occupational Safety and Health Malaysia. All rights reserved. No part of this publication can be reproduced, stored in retrieval system, or transcribed in any forms or by any means, electronic, photocopying, or otherwise, without the prior written permission of the copyright owner.